

27/08/2002

Mengekal nilai akhlak dalam keluarga

Asmaa' Mohd Arshad

ISU gejala sosial dan keruntuhan akhlak remaja akhir-akhir ini, semakin membimbangkan serta mendapat perhatian pelbagai pihak.

Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye, baru-baru ini, menegaskan kuasa dan potensi sesebuah keluarga bagi menghindarkan pelbagai masalah sosial yang membabitkan remaja di negara ini lebih bermakna daripada penguatkuasaan undang-undang melalui agensi kerajaan.

Sungguhpun penguatkuasaan undang-undang penting bagi menjamin keselamatan dan keamanan, namun apa yang lebih utama bagi mengatasi serangan masalah sosial ini adalah melalui pengukuhan institusi kekeluargaan.

Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganjurkan supaya konsep keluarga besar dihidupkan semula untuk menangkis pelbagai gejala sosial yang melanda masyarakat, terutama di kawasan bandar.

Institusi kekeluargaan adalah suatu unit teras dalam sistem sosial sesebuah masyarakat.

Fungsinya amat penting dalam memastikan kesinambungan sistem nilai agama dan akhlak daripada suatu generasi kepada generasi berikutnya.

Bagaimanapun, fungsi asasnya ini semakin pudar disebabkan longgarnya idealisme dan struktur kekeluargaan Melayu Islam hari ini.

Proses perbandaran menyebabkan perubahan ketara dalam struktur kekeluargaan itu sendiri.

Laporan Bengkel Kependudukan (1998) anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara menunjukkan sistem keluarga besar semakin berkurangan dan peratus keluarga asas di Malaysia semakin meningkat. Perangkaan juga menunjukkan peratus sistem keluarga luas di kalangan masyarakat Melayu adalah paling rendah berbanding kaum India dan Cina.

Ini mungkin disebabkan faktor penghijrahan dari kampung ke bandar yang majoritinya membabitkan kaum Melayu.

Malah kadar perceraian di kalangan orang Melayu lebih tinggi daripada kaum lain. Petunjuk lain termasuk kes sumbang mahram, anak luar nikah, buang bayi dan remaja liar. Ini adalah gejala yang menggambarkan krisis identiti kritikal yang antaranya berpunca daripada kerapuhan institusi kekeluargaan.

Dalam kes sumbang mahram, contohnya, 403 kes dilaporkan dari 1999 sehingga Jun 2001 dan apa yang menyedihkan kebanyakannya berlaku di kalangan masyarakat Melayu yang umumnya beragama Islam.

Lebih dahsyat lagi, kes jenayah bunuh dan rogol kini membabitkan remaja belasan tahun sehingga hukuman penjara mula dipertimbangkan untuk kes juvana. Pelbagai akta terpaksa difikir, digubal atau dipinda dalam menangani masalah keganasan rumah tangga, penderaan kanak-kanak dan sebagainya.

Soalnya mengapakah kebejatan moral ini semakin berleluasa pada saat Malaysia pesat membangun, sehingga dijadikan model di kalangan negara dunia ketiga? Semakin tinggi taraf hidup rakyat, semakin parahlah pula penyakit sosial yang melanda masyarakat.

Di manakah silapnya? Apakah kayu ukur serta acuan yang mencorakkan pembangunan di Malaysia ini, dan soalan yang lebih penting apakah konsep sebenar di sebalik kemajuan itu?

Adakah Indeks Pembangunan Insan (IPI) yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memadai untuk dijadikan kayu ukur bagi

pembangunan dan kemajuan khususnya bagi kita di Malaysia?

Pada pandangan penulis, di antara cabaran terbesar dalam usaha mengejar kemajuan hari ini ialah mengekalkan nilai agama dan akhlak yang menjadi teras dalam sistem kekeluargaan Islam selama ini.

Pertamanya, konsep dan acuan pembangunan ini perlu diteliti semula kerana acuan inilah yang akan mencorakkan pembangunan di Malaysia.

Konsep pembangunan ini perlu diberikan makna lebih menyeluruh meliputi aspek fizikal dan spiritual, lahir dan batin, jasmani dan rohani insan.

Perkara ini dihuraikan oleh Prof Dr Wan Mohd Nor Wan Daud dalam bukunya *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Baru yang Lebih Sempurna* (2001) yang menganjurkan konsep islah yang bermaksud perbuatan ke atas seseorang atau sesuatu yang membuatnya baik, betul, teratur, adil, sesuai dengan segala nilai tinggi.

Selanjutnya beliau mengkritik IPI yang hanya mengambil kira tiga perkara sebagai penunjuk pembangunan insan iaitu panjang umur, pencapaian pendidikan (kadar literasi dan pendidikan formal) dan kadar kehidupan mengikut Keluaran Hasil Kasar Negara Perkapita.

Ini bermakna faktor moral dan etika tidak langsung diambil kira dalam menentukan ciri sebuah negara maju atau membangun.

Ini terbukti apabila negara yang amat tinggi pencapaian IPInya juga negara yang menanggung masalah sosial kronik berpunca daripada lumpuhnya sistem kekeluargaan mereka.

Amerika Syarikat, contohnya, mencatatkan kadar perceraian paling tinggi di dunia dengan 1.2 juta perceraian, iaitu 4.6 peratus bagi 1,000 penduduknya, manakala 50 peratus daripada perkahwinan di negara itu berakhir dengan perceraian.

Begitu juga, Kanada dengan 49 peratus daripada perkahwinan mereka berakhir dengan perceraian, Norway dan Britain (masing-masing 53 peratus), Sweden (67 peratus) dan Belgium (68 peratus).

Kadar anak luar nikah di negara itu juga tinggi. Contohnya, 57.3 peratus daripada kanak-kanak di Iceland adalah anak luar nikah sementara di Britain (30 peratus) dan Amerika (32 peratus).

Sementara itu, purata kelahiran bayi di Jepun mencatatkan kadar paling rendah, manakala kadar perceraian dan bunuh diri pula mencatatkan kadar tertinggi, tahun lalu.

Menurut Kementerian Kesihatan dan Kebajikan negara itu, kadar

Mungkinkah kerana tekanan hidup akibat 'pembangunan' yang terlalu kebendaan sifatnya? Tekanan hidup di Tokyo contohnya dengan kos hidup yang tinggi memaksa warganya berfikir panjang sebelum melakukan sesuatu. Perkahwinan sukar dilangsungkan lantaran kos majlis yang tinggi.

Di samping itu, kesan selepas berkahwin cukup menakutkan bagi wanita. Kebanyakan mereka yang berkahwin terpaksa berhenti kerja sebaik mendapat anak pertama disebabkan kesukaran mencari pembantu rumah dan kos pusat asuhan mahal, di samping kos persekolahan terlalu tinggi.

Harga sehelai skirt sekolah saja, contohnya, lebih 15,000 yen (RM450). Soalnya setakat manakah persediaan kita untuk membangun dan maju tanpa mengorbankan nilai agama, akhlak dan budaya ketimuran dalam acuan pembangunan yang selama ini meletakkan material dan kebahagiaan duniawi sebagai matlamatnya? Selanjutnya apakah kemajuan dalam acuan kita sendiri itu diberikan definisi tepat?

Wajarkah kita mengikut dan ditenggelami arus? Atau perlukah kita menongkah arus? Persoalan ini amat penting untuk difikirkan bersama sebelum kita melangkah lebih jauh dalam mengejar kemajuan dan seterusnya hanyut dalam arus globalisasi dekad ini.

Hanyut dalam erti kata kita terpaksa mengorbankan perkara lebih asasi, iaitu agama dan akhlak yang menjadi teras kebahagiaan sebenar kehidupan insan di dunia dan akhirat.

Malangnya kebahagiaan hari ini sering kali dibataskan pada keseronokan jasad dan duniawi yang sementara sifatnya.

Sedangkan kebahagiaan bagi seorang Islam merangkumi kedua-dua faktor fizikal dan spiritual. Ini kerana manusia itu sendiri terdiri daripada dua unsur, jasad dan roh.

Sungguhpun Islam mengiktiraf kebahagiaan fizikal dalam bentuk harta, pangkat, keturunan dan kebahagiaan, namun yang lebih abadi adalah kebahagiaan roh. Ini kerana roh inilah yang akan mentadbir dan memandu jasad ke arah kebenaran.

Kebahagiaan roh itu pula terletak pada ilmu dan akhlak seorang insan.

Seseorang yang berilmu dan berakhlak itu akan sentiasa bahagia walaupun tidak berharta atau berpangkat.

Ini dibuktikan oleh sejarah Nabi Muhammad saw yang diuji dengan segala bentuk ujian dunia sama ada kemiskinan, pemulauan atau penghinaan.

Kebahagiaan mereka tidak sekali-kali tergugat lantaran ilmu, keimanan dan kecintaan pada Tuhan Yang Maha Adil pada Hari Pembalasan.

Ringkasnya faktor agama dan akhlak adalah ciri utama kebahagiaan seorang insan. Seterusnya nilai kebahagiaan ini dipupuk dan dijelmakan melalui institusi keluarga. Maka dalam konteks kekeluargaan Islam pada hari ini, apakah kita juga terperangkap dalam konsep pembangunan sekular yang hanya menilai kebahagiaan seseorang itu pada ijazah, harta dan pangkatnya?

Malang sekali umat Islam hari ini cenderung meletakkan kejayaan akademik dan pencapaian material itu sebagai satu-satunya kayu ukur kebahagiaan.

Ibu bapa contohnya, cenderung meletakkan mahar yang tinggi berdasarkan status anak gadis mereka sehingga akhirnya menyukarkan anak muda mendirikan rumah tangga.

Akibatnya semakin banyaklah kes keruntuhan akhlak di kalangan remaja.

Penulis adalah Pegawai Penyelidik Institut Pemikir dan Tamadun Islam Antarabangsa.